



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PELANCARAN SUKAN PARLIMEN (SUKPAR) 2021**

**22 OKTOBER 2021 | 9.30 PAGI |**  
**DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN**

## **SALUTATION**

- 1. YBHG. DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)  
Kementerian Wilayah Persekutuan
- 2. YBHG DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN**  
Presiden Perbadanan Putrajaya
- 3. YBHG. DATUK HAJI RAMLAN BIN HAJI SHAHEAN@ASKOLANI**  
Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- 4. YBRS. DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI**  
Pengarah  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- 5. SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN**
- 6. AHLI-AHLI MAJLIS MSWP**

- 1. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Sukan Parlimen (SUKPAR) bagi tahun 2021 selepas penganjurannya terpaksa dibatalkan tahun lepas ekoran pandemik COVID-19.**
- 2. Mengimbau kembali SUKPAR 2019 yang dianjurkan buat julung kalinya, seramai 5,000 peserta yang terdiri daripada warga Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menyertai SUKPAR 2019 itu.**
- 3. Penganjuran SUKPAR 2019 diadakan bertujuan untuk meningkatkan amalan bersukan dan menanamkan semangat perpaduan di kalangan komuniti Wilayah Persekutuan. Selain itu, ia diadakan sebagai usaha menggalakkan setiap Pejabat Ahli Parlimen dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) untuk turut sama menyokong sambutan Bulan Sukan Negara.**
- 4. Penganjuran SUKPAR pada tahun ini diteruskan bagaimanapun pendekatannya agak berbeza apabila pemilihan sukan dibuat lebih berhati-hati bagi memastikan pertandingan dibuat mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan, sama seperti sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2021 yang diadakan pada 9 Oktober lalu.**
- 5. Kali ini kita menjangkakan seramai 10,000 warga Wilayah Persekutuan akan turut serta pada edisi kali ini, malah penganjur sudah menerima pelbagai pertanyaan daripada mereka yang berminat untuk menyertai SUKPAR 2021 ini.**

**6. SUKPAR 2021 diadakan secara maya dengan membabitkan keseluruhan enam jenis sukan, iaitu:**

- i.E-Sports**
- ii. Virtual Run**
- iii. Archery Challenge**
- iv. Virtual Combat iaitu silat, taekwondo dan karate.**

**7. Untuk makluman semua, pendaftaran sukan yang bakal dipertandingkan pada SUKPAR 2021 akan dibuka selepas majlis pelancaran hari ini sehinggalah tarikh akhir pertandingan pada 5 Disember 2021.**

**8. Bagi sukan E-Sports, pengajur mensasarkan keseluruhan lebih 500,000 *viewership* khususnya bagi pengajuran ESports kali ini yang akan mempertandingkan FIFA22 dan juga Mobile Legends: Bang Bang.**

**9. Apa yang lebih istimewa adalah permainan video FIFA22 yang dipertandingkan pada SUKPAR 2021 kali ini merupakan pengajuran pertama yang dilaksanakan di Malaysia.**

**10. Selain ESports, SUKPAR 2021 juga bakal mempertandingkan Virtual Combat yang menyaksikan silat, taekwondo dan karate bakal dipertandingkan secara maya buat julung kalinya.**

11. Sukan silat akan mempertandingkan acara silat seni, sementara ‘poomsae’ untuk taekwondo dan ‘kata’ untuk karate, di mana peserta bakal mempamerkan kehebatan mengikut kategori masing-masing menerusi rakaman video.
12. Kekal menggunakan konsep secara maya, Archery Challenge pula bakal menyaksikan pemanah menggunakan konsep ‘remote scoring’ di tempat latihan atau kediaman masing-masing dan menghantar rakaman video yang dibuat bagi penganjur mengumpulkan data keputusan untuk memasuki ke pusingan seterusnya.
13. Satu lagi acara sukan yang begitu digemari ramai adalah Virtual Run yang mana WiPers Virtual Run bakal dianjurkan dengan jangkaan penyertaan seramai 5,000 peserta yang mana peserta perlu melengkapkan larian sejauh 15 kilometer.
14. Peserta yang turut serta dikehendaki menghantar data larian secara atas talian dengan menggunakan aplikasi larian yang sedia ada seperti *strava*, *nike run*, *my run by Under Amour* dan *Runkeeper* bagi membolehkan mereka memenangi pingat dan juga peluang mendapatkan cabutan bertuah.
15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada persatuan sukan yang terlibat dalam memastikan kejayaan penganjuran SUKPAR pada tahun ini termasuklah Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Kuala Lumpur, Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan, Persatuan Karate Wilayah

**Persekutuan Putrajaya, Taekwondo Kuala Lumpur, KPNP Malaysia dan Persatuan Sukan Elektronik Kuala Lumpur (ESKL).**

- 16. Akhir kata, besarlah harapan saya agar SUKPAR 2021 yang bakal berlangsung dapat menggerakkan semula bidang sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sekali gus dapat melahirkan lebih ramai atlet yang boleh diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.**
- 17. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini melancarkan Majlis Perasmian Sukan Parlimen (SUKPAR) 2021.**

**Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**